

**P**ERPUSTAKAAN Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) memenangi Anugerah Perpustakaan Cemerlang bagi kategori perpustakaan besar, baru - baru ini sekali gus melakar kemenangan manis bagi institusi berkenaan.

Ketua Pustakawan PSAS, Amir Hussain Md Ishak, berkata PSAS memenuhi kriteria ditetapkan Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) antaranya memiliki sistem perpustakaan berkomputer serta program pengumpulan koleksi semasa yang baik.

"Memiliki kriteria itu adalah satu kelebihan selain aktiviti proaktif yang sentiasa dijalankan, menambah baik koleksi, perkhidmatan serta sumber semasa sejajar

# Perpustakaan UPM menang anugerah cemerlang



**CERIA...**warga PSAS UPM ceria meraikan kemenangan.

keperluan masa kini.

"Penganugerahan ini ganjaran kepada PSAS untuk meneruskan usaha mempertingkatkan lagi perkhidmatan juga kualiti ke

tahap terbaik," katanya.

Kemenangan itu melayakkan PSAS menerima wang tunai RM7,000 dan piala yang disampaikan Ketua Pengarang Pertubuhan Berita Nasional

(BERNAMA), Datuk Yong Soon Heong.

PSAS sedang merancang untuk menukar persekitarannya kepada suasana lebih ceria bagi menggalakkan masyarakat

terutamanya warga UPM untuk ke perpustakaan.

Antaranya membuka ruangan koleksi bacaan ringan bagi menggalakkan warga UPM menjadikan PSAS tempat untuk bersantai sambil memperkuuhkan ilmu dengan bahan bacaan.

PSAS adalah gabungan perpustakaan utama dan tiga cawangannya di kampus Serdang iaitu Perpustakaan Perubatan dan Sains Kesihatan, Perpustakaan Perubatan Veterinar dan Perpustakaan Kejuruteraan dan Senibina serta cawangannya di kampus UPM, Bintulu, Sarawak.

Anugerah Perpustakaan Cemerlang adalah pertandingan peringkat kebangsaan yang diadakan setiap dua tahun bermula 2005, terbahagi kepada tiga kategori iaitu perpustakaan besar, sederhana dan kecil.

Anugerah itu mengiktiraf perpustakaan yang berperanan dalam mewujudkan masyarakat berilmu dan progresif selain meningkatkan imej perpustakaan dan profesion kepustakawan serta menilai perkembangan dan pencapaian pelbagai perpustakaan di Malaysia.